
POLISI PERKARA BERKEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM



Kumpulan
Hartanah Selangor
Berhad
(200101023989/559747-W)

Jabatan Setiausaha Syarikat dan Governans

Edisi Pertama (2022)

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Oktober 2022

KANDUNGAN

<u>Bil</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
1.	PENGENALAN	3
2.	OBJEKTIF	3 - 4
3.	SKOP	4
4.	PRINSIP UTAMA BAGI MEMBUAT KEPUTUSAN	4
5.	PERKARA BERKEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM	5 - 6
6.	PENGUATKUASAAN	7

POLISI PERKARA BERKEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM

1. PENGENALAN

- 1.1 Tadbir urus korporat ditakrifkan sebagai proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan mengurus perniagaan dan hal ehwal sesebuah syarikat bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan tujuan utama untuk mencapai nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengenepikan kepentingan pihak berkepentingan.
- 1.2 Tadbir urus korporat memperuntukkan satu rangka kerja mekanisme kawalan yang menyokong sesebuah syarikat mencapai matlamatnya dan mencegah konflik yang tidak diingini. Tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kemampanan merupakan elemen tadbir urus korporat yang penting dalam pentadbiran syarikat serta mengendalikan modal pelabur. Syarikat yang mengamalkan prinsip-prinsip ini lebih cenderung untuk menghasilkan nilai jangka panjang berbanding syarikat yang lemah dalam salah satu atau kesemua prinsip tersebut.
- 1.3 Amalan tadbir urus yang betul dapat mengenal pasti pengagihan hak dan tanggungjawab di kalangan pelbagai pihak yang berbeza dalam syarikat dan menggariskan antara lain, peraturan dan prosedur untuk membuat keputusan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Selain daripada memelihara kepentingan pemegang saham, tadbir urus korporat juga memerlukan pengimbangan keperluan pihak berkepentingan lain termasuk warga kerja, pelanggan, pembekal, masyarakat dan komuniti di mana syarikat-syarikat menjalankan perniagaan mereka.
- 1.4 Oleh yang demikian, Polisi Perkara Berkepentingan Pemegang Saham ini disediakan bagi tujuan mengukuhkan tadbir urus Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB” atau “Syarikat”) dan membantu anak-anak Syarikat dalam memastikan hala tuju di peringkat Syarikat adalah selaras dengan visi, objektif dan hala tuju strategik Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“MBI”) selaku syarikat induk dan melaksanakan agenda Kerajaan Negeri Selangor.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Matlamat utama penubuhan sesebuah anak syarikat adalah untuk melaksanakan perniagaan selaras dengan agenda Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan kepada model perniagaan yang lestari (*sustainable business model*) dalam usaha mempelbagaikan sumber hasil dan seterusnya, mengembangkan aktiviti perniagaan untuk menjana pendapatan dan keuntungan bagi mengurangkan serta meningkatkan nilai pelaburan pemegang saham.
- 2.2 Bagi menjaga pelaburan dan kepentingan KHSB selaku pemegang saham serta mempertingkatkan tadbir urus Kumpulan KHSB, satu Polisi Berkepentingan Pemegang Saham atau *Shareholder Reserved matters Policy* (“Polisi”) perlu diwujudkan.
- 2.3 Polisi ini digunakan sebagai garis panduan kepada anak-anak Syarikat KHSB dalam membuat sebarang keputusan yang akan memberi kesan atau impak kepada pelaburan dan kepentingan KHSB di dalam anak-anak Syarikat.

2.4 Polisi ini dilaksanakan bertujuan untuk :

- (i) Mengenalpasti perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan dan diluluskan oleh KHSB selaku pemegang saham.
- (ii) Memastikan halatuju anak-anak Syarikat di bawah Kumpulan KHSB adalah selaras dengan visi, objektif dan halatuju strategik MBI serta agenda Kerajaan Negeri Selangor.

3. SKOP

- 3.1 Polisi ini diterima pakai (*adopted*) oleh semua anak-anak Syarikat termasuk anak-anak Syarikat tidak langsung di bawah Kumpulan KHSB.
- 3.2 Pengurusan anak-anak Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan polisi di peringkat anak syarikat (sekiranya ada), prosedur/proses membuat keputusan, jadual had kuasa serta had kuasa kewangan anak-anak Syarikat adalah selaras dan tidak bercanggah dengan Polisi ini dan/atau Akta Syarikat 2016 (“Akta Syarikat”).

4. PRINSIP UTAMA BAGI MEMBUAT KEPUTUSAN

- 4.1 Polisi ini merangkumi perkara-perkara yang memerlukan kelulusan daripada KHSB sebelum pelaksanaan sesuatu perkara atau projek oleh anak-anak Syarikat di bawah Kumpulan KHSB yang akan memberi :
 - (i) Pendedahan risiko perniagaan dan kewangan yang signifikan kepada Kumpulan KHSB.
 - (ii) Impak kepada halatuju strategik atau rantai nilai Kumpulan KHSB.
 - (iii) Impak kepada reputasi Kumpulan KHSB dan secara tidak langsung kepada Kerajaan Negeri Selangor.
- 4.2 Anak-anak Syarikat KHSB perlu mengemukakan kertas cadangan yang lengkap beserta justifikasi berhubung perkara atau projek yang memerlukan kelulusan daripada KHSB berdasarkan kepada senarai perkara-perkara berkepentingan pemegang saham seperti yang dinyatakan di Perkara 5 di dalam Polisi ini.
- 4.3 Sebarang keputusan berhubung perkara-perkara berkepentingan pemegang saham yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah anak syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan daripada KHSB selaku pemegang saham
- 4.4 Kelulusan daripada KHSB berhubung perkara-perkara berkepentingan pemegang saham yang diusulkan oleh anak-anak Syarikat adalah tertakluk kepada proses dalaman KHSB.

5. PERKARA BERKEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM

5.1 Senarai perkara-perkara berkepentingan yang memerlukan kelulusan/penerimaan/pengesahan (yang mana berkaitan) daripada KHSB, selaku pemegang saham, sebelum pelaksanaan di peringkat anak-anak syarikat di bawah Kumpulan KHSB berlandaskan Akta Syarikat dan Perlembagaan Syarikat adalah seperti berikut :

5.1.1 Perkara Berkepentingan Am (Common Reserved Matters)

- (a) Sebarang pindaan kepada Tataujud dan Tataurusan (*Memorandum and Articles of Association*) Syarikat atau Perlembagaan Syarikat (*Constitution*).
- (b) Suatu resolusi atau ketetapan untuk penggulungan syarikat (*voluntary liquidation*).
- (c) Pengurusan kehakiman (*judicial management*), *scheme of arrangement*, *corporate voluntary arrangement*, penggulungan atau pembubaran syarikat.
- (d) Penggabungan (*consolidation*) atau penyusunan semula kewangan syarikat (*financial reconstructions*).
- (e) Penggabungan syarikat (*merger*) atau penyusunan semula struktur korporat syarikat (*reorganisation/restructuring*) termasuk penubuhan dan pelupusan (*divestment*) anak syarikat serta pengambilalihan (*acquisition/takeover*) syarikat lain.
- (f) Penerimaan penyata kewangan tahunan syarikat.
- (g) Pelantikan dan penamatan perkhidmatan Juruaudit luar.
- (h) Pengisytiharan dividen khas dan/atau dividen akhir.
- (i) Segala urusniaga, kontrak, perjanjian, pengaturan (*arrangement*), pinjaman/hutang dan/atau pendahuluan (*advances*) yang bukan dalam urusan perniagaan biasa syarikat (*not in the ordinary course of business of the company*) termasuk tetapi tidak terhad kepada penjualan, pemindahan, pelupusan, pemerolehan dan andaian sebarang janji (*assumption of any undertakings*), harta tanah (*properties*) atau aset selain daripada urusan perniagaan biasa syarikat (*other than in the ordinary course of business of the company*).
- (j) Kepelbagaian (*diversification*) oleh syarikat ke dalam perniagaan lain yang tidak berkaitan.
- (k) Terbitan saham baru (mana-mana kelas saham, termasuk (*Golden Share*), kenaikan atau pengurangan modal saham terbitan syarikat dan/atau pemberian opsyen atau hak untuk melanggar mana-mana saham syarikat sama ada mengundi (*voting*) atau tidak mengundi (*non-voting*), penerbitan (*issuance*) atau peruntukan (*allotment*) atau persetujuan untuk menerbitkan sekuriti lain yang boleh ditukar menjadi saham (sama ada mengundi atau tidak mengundi) dalam apa juu bentuk dan mengikut apa juu syarat.

- (l) Penyenaraian di Bursa Saham Malaysia atau *Initial Public Offering* ("IPO").
- (m) Sebarang perolehan suatu pengusahaan (*an undertaking*) atau harta (*property*) yang mempunyai nilai yang substansial (*substantial value*) atau pelupusan suatu bahagian yang substansial (*substantial portion*) pengusahaan atau harta syarikat tersebut selaras dengan Seksyen 223(1) Akta Syarikat. Suatu nilai substansial dan suatu bahagian pengusahaan atau harta syarikat hendaklah dianggap sebagai suatu bahagian substansial jika :
 - (i) Nilainya melebihi 25% jumlah keseluruhan aset syarikat.
 - (ii) Keuntungan bersih, selepas ditolak semua bayaran kecuali percukaian dan tidak termasuk butiran luar biasa, yang berkaitan dengan amaunnya lebih daripada 25% jumlah keseluruhan keuntungan bersih syarikat.
 - (iii) Nilainya melebihi 25% modal syer dikeluarkan syarikat.
- (n) Memberikan pinjaman kepada pengarah syarikat atau suatu syarikat yang menurut kuasa Seksyen 7 Akta Syarikat disifatkan berkaitan dengan syarikat itu; atau memberikan apa-apa jaminan atau menyediakan apa-apa cagaran berkaitan dengan suatu pinjaman yang dibuat kepada pengarah oleh mana-mana orang lain selaras dengan Seksyen 224(1) Akta Syarikat.
- (o) Sebarang pemberian jaminan (*guarantee*) dan surat sokongan oleh anak-anak syarikat KHSB untuk menjamin liabiliti atau kewajipan mana-mana orang atau syarikat.

5.1.2 Perkara Khusus Selaras Dengan Polisi Penurunan Kuasa/Had Kuasa Kewangan ("Delegation of Authority/Financial Authority Limit" atau "DOA/FAL") KHSB

- (a) Penukaran nama syarikat.
- (b) Pemilihan (sama ada baru atau pemilihan semula), pelantikan, perletakan jawatan dan pemecatan Ahli Lembaga Pengarah syarikat.
- (c) Pemberian manfaat imbuhan kepada Ahli Lembaga Pengarah syarikat termasuk sebarang pindaan dan/atau cadangan penambahbaikan mana-mana manfaat yang telah diluluskan.
- (d) Pemilihan, pelantikan dan imbuhan (termasuk gaji, elauan dan faedah) atau sebarang perubahan pada terma dan syarat perkhidmatan bagi Pengurusan Utama Syarikat.
- (e) Sebarang pindaan dan penambahbaikan pada Jadual Had Kuasa DOA/FAL syarikat memerlukan pengesahan (*attestation*) daripada MBI.
- (f) Sebarang pindaan dan penambahbaikan pada polisi syariakat yang menerima pakai (*adopt*) polisi KHSB.
- (g) Cadangan penetapan polisi dividen syarikat, sekiranya perlu (harus selaras dengan Polisi Dividen KHSB).

- 5.2 Pengurusan anak syarikat bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap Akta Syarikat dan lain-lain kehendak perundangan yang berkaitan berhubung mana-mana perkara yang memerlukan kelulusan pemegang saham, tidak terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Perkara 5.1 Polisi ini.

6. PENGUATKUASAAN

- 6.1 Penguatkuasaan polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah KHSB dan anak-anak syarikat di bawah Kumpulan KHSB.
- 6.2 Jabatan Setiausaha Syarikat & Governans bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini sekiranya perlu agar tetap relevan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada MBI untuk persetujuan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah KHSB untuk kelulusan.
- 6.3 Sebarang perubahan atau penyemakan semula pada Polisi ini akan dimaklumkan kepada semua anak-anak syarikat di bawah Kumpulan KHSB dengan serta merta.